

Dr. M lancar jentera pilihan raya Kedah

ALOR STAR 22 Jan. — Jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) Kedah akan dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad di Stadium Sultan Abdul Halim, Suka Menanti di sini pada 31 Januari ini.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, pelancaran jentera gerak kerja pilihan raya itu akan menemukan lebih daripada 1,200 orang ahli parti komponen BN Kedah.

“Dengan kehadiran Dr. Mahathir pada majlis itu, ia akan memberi pelbagai nasihat, semangat dan membantu menggerakkan jentera pilihan raya BN di negeri ini dengan lebih mantap agar semua ahli berazam untuk memenangi pilihan raya kali ini dengan kemenangan yang lebih besar,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka anjuran MCA Negeri Kedah di Sekolah Menengah Keat Hwa (P) di Jalan Pegawai di sini hari ini.

Syed Razak yang juga Pengerusi BN Kedah memberitahu, Dr. Mahathir telah menerima pelawaan daripada

pihaknya untuk menjadi penasihat kepada jentera gerak kerja pilihan raya di negeri ini.

Katanya, dengan kehadiran Dr. Mahathir dalam jentera ini, ia pasti akan mendapat sokongan yang kuat dari semua masyarakat.

Mengulas mengenai senarai nama yang berpotensi dicalonkan mewakili UMNO negeri pada pilihan raya akan datang, Syed Razak berkata, kesemua nama itu masih belum diserahkan kepada Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah memberitahu, senarai itu masih dalam peringkat perbincangan termasuk mengkaji latar belakang setiap calon bagi memastikan mereka 'bersih' daripada segala isu.

Syed Razak memberitahu sehingga kini terdapat 150 nama yang berpotensi telah dicalonkan untuk mewakili UMNO dalam pilihan raya akan datang dan senarai berkenaan mengandungi 10 nama yang dicadangkan oleh setiap bahagian di negeri ini.